



SIARAN MEDIA

PROGRAM GERAK RAHMAH 2023 : 'JOM BERSIH DAN INDAH' MELESTARIKAN NILAI SEMANGAT PERPADUAN

BELAGA SARAWAK, 24 Jun 2023 – Program Gerak Rahmah 2023 'Jom Bersih dan Indah' telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Uma Belor, Sungai Asap, Belaga, Sarawak melibatkan dua belas **(12) KRT dengan penyertaan seramai 500 orang** masyarakat setempat. Program ini berlangsung serentak di lokasi 4,200 KRT seluruh negara.

'Jom Bersih & Indah' merupakan program keenam (ke-6) di bawah inisiatif Gerak Rahmah 2023 yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melibatkan Kerjasama strategik daripada pelbagai agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta. Program ini juga merupakan salah satu daripada **Agenda Kerja KRT atau RT4ALL** iaitu di bawah **Gerak Kerja KRT Bersih & Indah yang digariskan dalam Teras Kedua dan Kelima, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030**.

Inisiatif Gerak Rahmah yang dilaksanakan oleh KPN melalui JPNIN ini bertujuan untuk memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan dalam KRT bagi menyokong aspirasi Kerajaan untuk membangunkan Komuniti RAHMAH di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI.

Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa aktiviti gotong-royong yang dijalankan sempena program ini **menerapkan unsur Lestari Alam Sekitar yang dapat memupuk nilai murni mencintai alam sekitar** dalam kalangan warga KRT dan komuniti. Ini dapat mewujudkan suasana persekitaran komuniti yang kondusif serta mempraktikkan amalan hidup lestari dan secara tidak

langsung dapat **menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan kejiranan** selaras dengan tagline '**KRT sebagai tonggak perpaduan**'.

Turut hadir ke program ini ialah YBhg. Dato' Indera Noridah binti Andul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Kementerian Perpaduan Negara

24 Jun 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ()